

Sita 335 tong gas petroleum cecair

Klang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyita 335 tong gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi dan industri bernilai RM88,000 dalam serbuan di sebuah premis di Pulau Indah di sini, semalam.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan jam 10 pagi itu hasil risikan dua minggu pihaknya sebelum mengeksan aktiviti memindahkan gas daripada 198 tong LPG 14 kilogram (kg) bersubsidi kepada 137 tong gas industri 50 kg secara haram.

"Siasatan awal mendapati sindiket memilih kawasan sunyi untuk menjalankan aktiviti pemindahan gas bagi mengelak aktiviti mereka dihidu dan dijadikan sebagai stor penyimpanan gas LPG.

"Kita percaya mereka lebih dua bulan beroperasi dan sering berpindah-randah supaya gagal dikesan pihak berkuasa," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya menahan enam lelaki warga asing termasuk tiga Myanmar dan seorang warga Bangladesh serta dua warga tempatan berrusia antara 30 hingga 40 tahun.

"Ketika serbuan, semua suspek memindahkan gas dari tong LPG bersubsidi

kepada tong gas industri dan cuba melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa.

"Cubaan mereka gagal selepas kita mengepung kawasan ini terlebih dahulu.

"Hasil pemeriksaan mendapati semua warga asing yang ditahan tiada dokumen perjalanan sah dan dipercayai mereka pakar dalam memindahkan gas secara manual," katanya.


Menurutnya, turut dirampas tiga pasangan tas triler 5 tan yang digunakan untuk mengangkut tong yang siap dipindahkan gas bagi pasarannya sekitar Lembah Klang.

Katanya, alatan memindahkan gas seperti hos getah, alat pemimbang elektronik dan kiub ais turut dirampas.

Katanya, premis itu turut beroperasi tanpa lesen dan pihaknya mengesan ketua aktiviti berkenaan.

"Setiap tong industri seberat 50 kg itu dipercayai dijual pada harga RM200 setong, sekali gus megaunt keuntungan berlipat ganda," katanya.

Enam lelaki warga asing ditahan



MUHAMAD Zikril Azan (kanan) melihat tong gas LPG subsidi di stor simpanan tidak berlesen di Pulau Indah, Klang.